



## "TERSUNGKUR DI HADAPAN MAHLIGAI ANGAN-ANGAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ  
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً  
عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ حَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ، اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسِلِّمْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ الْمَيَامِينَ  
الْمُطَهَّرِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْ صِيَكُمْ  
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,



Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita berusaha untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua beroleh kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat.

Tajuk khutbah yang akan disampaikan pada hari ini ialah **"TERSUNGKUR DI HADAPAN MAHLIGAI ANGAN-ANGAN"**.

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Harta adalah anugerah Allah Azzawajalla yang dipinjamkan kepada kita untuk menguji ketaatan kita kepada-Nya tetapi bukan sebagai kayu pengukur yang dikira Allah SWT sebagai jaminan untuk ke syurga.

Di akhir-akhir ini, pelbagai kaedah dan cara telah diperkenalkan oleh pihak-pihak tertentu dengan slogan untuk membantu menambahkan pendapatan peribadi dan ummah. Ada yang menawarkan keuntungan pokok yang besar yang tidak mungkin dicapai oleh perniagaan-perniagaan yang biasa. Dan ada pula mereka yang menawarkan pendapatan yang seseorang itu tidak perlu lagi memikirkan tentang bebanan hutang piutang serta sebaliknya mampu untuk membolehkan dia 'menyimpan' dari semasa ke semasa.

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Ketahuilah bahawa skim cepat kaya ini adalah merupakan racun di dalam madu dan duri di dalam bunga yang manis pada zahirnya tetapi merbahaya pada hakikatnya. Skim-skim cepat kaya ini telah mengakibatkan ramai yang tertipu dengan paparan-paparan indah yang dijelmakan hingga ada yang terkorban dengan menanggung hutang yang lebih besar serta ada



juga yang hilang lesap segala simpanan dan perhiasan anak isteri. Yang pasti penganjur skim dapat mengaut untung tetapi pelabur-pelaburlah yang tersungkur di mahligai angan-angan. Sedarlah bahawa skim cepat kaya yang tumbuh bagaikan cendawan sesudah hujan ini adalah bukan pertama kali yang muncul di khalayak ramai tetapi ianya telah berkali-kali menjelma setelah ‘ghaib’ Cuma dengan nama dan kaedah yang mungkin berlainan. Namun sekiranya kita memerhatikan dengan teliti, kita akan mendapati bahawa skim-skim cepat kaya ini mempunyai persamaan di antara satu dengan yang lain dan ianya perlu dijauhi.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Berikut adalah beberapa ciri persamaan pada skim-skim cepat kaya ini yang perlu diketahui oleh umat Islam agar kita terhindar daripada perkara-perkara yang haram.

**Pertama:** Skim-skim cepat kaya ini menawarkan dividen atau keuntungan yang tetap pada setiap bulan yang nilainya adalah jauh lebih tinggi daripada yang ditawarkan oleh mana-mana institusi kewangan atau pelaburan berlesen. Jumlah dividen atau keuntungan yang melampau ini adalah semata-mata berupa daya penarik kepada pelabur-pelabur baru. Ketahuilah bahawa dividen atau keuntungan besar yang ditawarkan oleh skim-skim ini adalah merupakan sebahagian tunai yang diperolehi daripada peserta-peserta baru untuk diagihkan kepada peserta-peserta lama. Putaran ini akan berpusing selama mana wujudnya peserta-peserta baru dan akan berhenti apabila tahap maksimum tercapai. Daripada sudut syariahnya pula, jaminan dividen atau keuntungan tetap daripada sudut “RMnya” adalah berada di atas urusniaga “gharar” atau ketidaktentuan di mana setiap individu



tidak mampu untuk menentukan tentang apa yang akan berlaku pada masa hadapan.

**Kedua:** Skim-skim cepat kaya ini menawarkan jumlah keuntungan tetap yang tinggi jika dibandingkan dengan tabung-tabung pelaburan yang ditawarkan oleh institusi-institusi pelaburan dan kewangan berlesen di negara ini. Tawaran keuntungan yang dijanjikan adalah berkali-kali ganda berbanding modal asal yang dilaburkan serta ada yang bersifat bulanan, mingguan bahkan ada yang harian. Sebagai contohnya, pelaburan dengan jumlah RM5000 akan memperolehi pulangan sebanyak RM200 pada setiap bulan selama mana modal atau pokok tidak dikeluarkan yang kadang-kadang keuntungan itu didakwa boleh mengatasi keuntungan menyimpan dalam institusi kewangan yang diiktiraf. Sedangkan penentuan tempoh masa dan kadar keuntungan yang tetap adalah haram disisi Islam kerana tidak patuh syarak. Ada juga yang menawarkan pakej umrah dengan kos RM500 sahaja. Dengan kos ini peserta layak untuk menunaikan umrah selepas lima tahun daripada tarikh pembayaran dibuat. Pakej sebegini adalah amat berisiko kerana tempoh yang lama akan menyebabkan pelbagai kemungkinan boleh berlaku ditambah dengan kos yang disumbangkan jauh lebih rendah daripada satu-satu pakej umrah yang sebenar. Yang pasti, tawaran sedemikian hanya membolehkan pihak syarikat untuk mendapatkan tunai semata-mata daripada orang ramai.

### **Sidang Jumaat sekalian,**

**Ketiga:** Di dalam mengenal pasti skim-skim cepat kaya ialah bahawa pelaburan ini adalah dijamin kukuh dan tanpa rugi. Gambaran yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini adalah cukuo menarik hingga ramai yang tertawan dan akur untuk turut serta melabur. Orang ramai telah dikaburi



bahawa pelaburan yang dibuat adalah pasti tidak rugi dan pasti menguntungkan. Ditambah lagi dengan bukti-bukti keuntungan yang telah dikecapi oleh mereka yang terdahulu yang menyertai pelaburan tersebut melalui penyata-penyata bank dengan jumlah baki yang berpuluhan ribu ringgit, kereta-kereta mewah serta gambar-gambar percutian mewah yang telah dilawati.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Ketahuilah bahawa lambang-lambang kemewahan tersebut hanyalah manisan untuk menarik semut serta madu untuk menjemput lebah yang dengannya ramai akan terkorban. Ianya adalah kepalsuan, hanya mereka yang beberapa kerat sahaja mampu memiliki harta tersebut.

**Ciri keempat** pula ialah bahawa ianya akan ditawarkan oleh sanak saudara yang terdekat yang telah terkena dengan skim ini. Mereka yang telah terlibat akan cuba sedaya mungkin untuk mempengaruhi mereka yang terhampir dikalangan sanak saudara dan sahabat handai untuk menyertai skim ini. Kaedah ini akan berterusan daripada satu saudara kepada saudaranya yang lain dan daripada sahabat kepada sahabat yang lain.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Ketahuilah bahawa Islam membenarkan jual beli dan mengharamkan riba. Di dalam jual beli yang dibenarkan syarak, Islam meletakkan antaranya kemungkinan sesuatu perniagaan itu untuk untung ataupun rugi. Andai kata sesuatu perniagaan itu dibuat dengan andaian bahawa tiada kerugian yang akan berlaku, maka ia adalah berlawanan dengan konsep muamalah dalam Islam.



Berhati-hatilah dengan jenis pelaburan yang ingin disertai kerana di atas wang ringgit yang kita miliki terdapat hak-hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan. Ketahuilah bahawa kita tidak mempunyai hak mutlak di atas wang ringgit yang dimiliki. Ianya adalah amanah yang disinggahkan Allah kepada kita dengan tujuan untuk menguji keupayaan kita di dalam menguruskannya. Pada harta tersebut terdapat hak-hak mereka yang dibawah jagaan kita, sekiranya harta tersebut tidak dibelanjakan secara sepatutnya hingga ianya hangus, maka kita sebagai orang yang bertanggungjawab akan dipersoalkan Allah SWT.

Oleh itu, marilah sama-sama kita mengambil iktibar dan berhati-hati di dalam pengurusan harta yang telah dianugerahkan Allah kepada kita kerana tanggungjawab pengurusan harta termasuk juga dalam bab ketaatan kepada Allah. Manakala mana-mana perbelanjaan yang dilakukan pada kemungkaran serta pembaziran adalah merupakan satu jenis kemaksiatan yang akan menjauhkan diri manusia daripada Allah SWT. Sesungguhnya tiada jalan singkat untuk memperoleh kesenangan dan kekayaan di dunia ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَكُلُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي  
أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ

*"Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman".*

(al-Maidah - 88).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk ekstremis dalam mengamalkan dan memartabatkan agama Islam. Umat Islam juga hendaklah menjadi umat contoh yang membawa rahmat ke seluruh alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَاءِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعَظِيمَ آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ  
سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ۔ اللَّهُمَّ أَدْمِ اَلْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الْدِينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِيْ أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ۔ اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبِلْغِ مَقَاصِدِهِمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ۔

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul \*\*  
22.12.2014